

Melaka Bandar Raya Bersejarah Lengah Tanpa Pelancong



Oleh: Nur Aishah Ismail

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 27 Julai 2021

Tiada kelibat pelancong tempatan mahupun pelancong asing yang kelihatan bersiar-siar di bandar raya Melaka. Tiada juga bunyi hon kenderaan dan enjin kenderaan yang lazimnya memenuhi suasana yang sering menjadi tumpuan pelancong melawat bandar raya bersejarah tersebut.



Foto hiasan

Hanya kedengaran bunyi jarum Menara Jam berusia 134 tahun di Bangunan Stadthuys berdetik setiap kali ia menunjukkan waktu yang tepat selama 24 jam sehari.

Bandar Hilir merupakan destinasi yang sering dikunjungi bagi membeli-belah terutamanya pada hujung minggu. Terdapat pelbagai tempat menarik yang tidak pernah jemu dikunjungi oleh pengunjung dari dalam atau luar negeri.

Namun, kedatangan pelancong yang menyusut secara mendadak sangat memberikan kesan terhadap peniaga-peniaga kecil di lokasi pelancongan tersebut.

Ada juga dalam kalangan peniaga yang terjejas teruk sehingga menyebabkan mereka terpaksa menceburi bidang lain buat sementara.

Misalnya, penarik beca yang sering memainkan muzik bagi menarik perhatian pelancong kini tidak lagi dapat berbuat demikian.

Malah, ada juga peniaga yang terpaksa gulung tikar ekoran tiada pembeli atau pelanggan mahupun pengunjung yang singgah di premis perniagaan mereka.

Selain itu, Sungai Melaka yang merupakan antara destinasi pelancongan menarik kini sunyi daripada bunyi enjin bot Melaka River Cruise yang menyusuri sungai membawa pelancong menikmati pemandangan di tebing kiri dan kanan sepanjang lima kilometer.

Menurut peniaga barangan antik, Siti Zurina, 27, suasana yang sangat berbeza ini dapat dirasai apabila tiada lagi pelancong asing yang datang singgah di kedai miliknya yang sebelum ini sering menjadi tumpuan para pelancong.

Suasana yang dialami oleh penduduk negeri Melaka sangat berbeza berbanding sebelum ini yang telah menjadi kawasan tumpuan dan sentiasa sibuk terutamanya pada hujung minggu.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Sulaiman Md Ali berkata, kadar penurunan kehadiran pelancong yang melebihi 70 peratus pada tahun lepas sangat memberi kesan kritikal terhadap semua sektor ekonomi di negeri ini.

Katanya, sektor-sektor tersebut kini diberi keutamaan dengan pelbagai insentif bagi memulihkan semula sektor ekonomi di negeri ini sekali gus dapat memperbaiki pertumbuhan ekonomi negeri tersebut yang tersohor dengan aktiviti pelancongan.

Di samping itu, kerajaan negeri Melaka telah mengambil inisiatif untuk menjalankan program 'Melaka Bebas Berniaga' pada suku tahun pertama yang melibatkan kira-kira 2,000 penjaja dan peniaga kecil di negeri ini.

Usaha ini diambil sebagai langkah bagi membantu mereka yang terkesan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dijalankan.

Namun, lesen perniagaan hendaklah dipohon terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan di kawasan masing-masing.

Pelbagai kempen akan turut diadakan dalam usaha memulihkan semula industri pelancongan di Melaka yang kian tenat berikutan beberapa siri PKP sejak 18 Mac tahun lalu.

Walaupun pelbagai lapisan masyarakat yang terkesan terutamanya para peniaga akibat pandemik COVID-19 ini, diharap mereka tidak berputus asa dalam usaha mencari rezeki yang halal.